



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PULAI**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

28 MEI 2014

KENYATAAN MEDIA YB DATUK NUR JAZLAN TAN SRI MOHAMED, PENERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN MALAYSIA BERHUBUNG PENYELUDUPAN DIESEL

Kuala Lumpur: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (Pac) Menyambut Baik Saranan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Sprm) Tan Sri Abu Kassim Mohamed Yang Mahu Kerajaan Mengkaji Semula Pemberian Subsidi Diesel Kerana Ia Jelas Merugikan Pendapatan Negara.

Pada Masa Sama, Pac Turut Berpendapat Bahawa Agensi Penguatkuasa Yang Diberikan Tanggungjawab Untuk Menjaga Subsidi Diesel Iaitu Kastam Diraja Malaysia (Kdrm), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (Kpdnkk) Dan Unit Pencegahan Penyeludupan (Upp) Perlu Menjalani Rombakan Secara Besar-Besaran Bagi Membanteras Penyeludupan Diesel Ke Negara Jiran.

“Jenayah Ini, Bukan Baru Dan Melihat Daripada Statistik Yang Dikeluarkan Sprm, Penguatkuasaan Dijalankan Sejak Lima Tahun Lalu, Tetapi Kegiatan Penyeludupan Terus Berlaku.

“Pac Dengan Tegas Ingin Menyatakan Bahawa Pembaziran Terhadap Wang Rakyat Perlu Dihentikan Dengan Segera Dan Atas Sebab Itu, Mendesak Kerajaan Terutama Sekali Kementerian Kewangan Dan Kpdnkk Supaya Mengambil Langkah Segera Bagi Membendung Kegiatan Penyeludupan Ini,” Katanya Dalam Satu Kenyataan Di Sini, Hari Ini.

Beliau Berkata, Kegagalan Agensi Penguatkuasa Kdrm, Kpdnkk Dan Upp Untuk Membanteras Kegiatan Penyeludupan Diesel Ini, Secara Konsisten Membuktikan Bahawa Tindakan Tegas Perlu Diambil Kepada Pengurusan Tertinggi Agensi-Agensi Ini.

Nur Jazlan Berkata, Adalah Sesuatu Yang Memelikan Apabila Sprm Melaporkan Bahawa Ada Pegawai Penguatkuasa Yang Ditahan Mempunyai Akaun Berjuta Ringgit, Hasil Kegiatan Penyeludupan Diesel Yang Dilakukan Selama Ini.

“Dimana Peranan Ketua Setiausaha (Ksu) Kementerian Dan Ketua Pengarah Jabatan Berkenaan Yang Perlu Sentiasa Memastikan Pegawai Dan Kakitangannya Mempunyai Integriti Dalam Melaksanakan Tugas Mereka.

“Mungkin Sudah Sampai Masanya, Kerajaan Memikirkan Mekansisme Baru Dalam Membanteras Gejala Ini, Termasuk Mewajibkan Semua Pegawai Dan Kakitangan Agensi Penguatkuasa Mengistiharkan Harta Mereka Secara Berkala,” Katanya.

Katanya, Dalam Keadaan Kerajaan Akan Melaksanakan Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (Gst) Pada 2015, Semua Agensi Penguatkuasa Perlu Dipastikan Siap Siaga Dalam Memastikan Setiap Hasil Negara Yang Menyumbang Kepada Pendapatan Negara Dapat Dikutip Dengan Sewajarnya.

“Namun Kutipan Hasil Ini, Tidak Akan Memberikan Sebarang Impak Positif Kepada Negara, Jika Isu Penyeludupan Barangan Bersubsidi Terus Berlaku Sehingga Mengakibatkan Kerugian Yang Teruk Kepada Pendapatan Kerajaan,” Katanya.

Nur Jazlan Berkata, Pac Juga Akan Mengarahkan Supaya Jabatan Audit Negara Menjalankan Audit Forensik Kepada Penyeludupan Diesel Bagi Memastikan Jumlah Sebenar Kerugian Yang Terpaksa Ditanggung Kerajaan Terhadap Kegiatan Berkeñaan.

“Saya Akan Mengadakan Pertemuan Dengan Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang Untuk Tujuan Berkeñaan Dan Mahu Audit Berkeñaan Dijalankan Pada Tahun Ini Juga Dan Mungkin Boleh Dimasukkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara (Lkan) Siri 3 2013 Yang Dijangka Dibentangkan Di Parlimen Hujung Tahun Ini,” Katanya.

Beliau Berkata, Melalui Lkan Itu, Pac Seterusnya Akan Memanggil Semua Kementerian, Jabatan Dan Agensi Berkaitan Dalam Menangani Penyeludupan Diesel Bagi Memberikan Keterangan Di Hadapan Jawatankuasa Berkeñaan.

“Kita Berharap Dapat Mengeluarkan Satu Laporan Terperinci Mengenai Kegiatan Penyeludupan Diesel Yang Berlaku Sekaligus Memberikan Cadangan Terbaik Kepada Kerajaan Untuk Membanterasnya,” Katanya.